



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
SURAT ARAHAN KETUA SETIAUSAHA BIL. 2 TAHUN 2012**

PEMATUHAN DASAR KESELAMATAN ICT

TUJUAN

1. Surat Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan peraturan berhubung dengan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) Bil 2/2012 yang telah adakan pada 11 Jun 2012 telah bersetuju menguatkuasakan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) KPKT Ver 3.0.

3. Pengemaskinian DKICT KPKT Ver 2.0 telah dilakukan bagi memantapkan lagi kawalan keselamatan ICT di KPKT.

DASAR KESELAMATAN ICT

4. Dasar ini terpakai untuk Warga KPKT dan pihak ketiga selagi mana adanya hubung kait dengan penggunaan aset dan keselamatan ICT KPKT.
5. Dasar ini juga mengambil kira objektif kawalan di dalam MS ISO 27001:2007 Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat yang meliputi 11 Bidang yang terkandung di dalamnya.
6. Dokumen Dasar disebarakan melalui Portal KPKT dan intranet KPKT.

TANGGUNGJAWAB BAHAGIAN/JABATAN/AGENSI

7. Warga KPKT di Bahagian/Jabatan/Agensi adalah dikehendaki membaca, memahami dan akur akan peruntukan yang terkandung di dalam Dasar ini.

SURAT AKUAN PEMATUHAN

8. Semua Ketua Jabatan di Bahagian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan setiap Warga di Bahagian/Jabatan/Agensi menandatangani Surat Akuan Pematuhan Dasar Keselamatan ICT KPKT dan disimpan dalam fail peribadi masing-masing.

TARIKH KUATKUASA

9. Arahan dan peraturan ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PEMBATALAN

10. Sehubungan itu, Surat Arahan Ketua Setiausaha Bil 2 Tahun 2010, Dasar Keselamatan ICT KPKT Ver 2.0 dan Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2007 KPKT adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”



DATUK ARPAH BINTI ABDUL RAZAK

Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

27 Jun 2012